



Anwar mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, semalam. (Foto ihsan PMO)

PM arah sedia mekanisme salur subsidi bersasar

BH-14/12/2022 w/s: 2

Jabatan kerajaan diminta rangka saluran sesuai ambil kira kepentingan pengguna

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan mekanisme bersesuaian dibangunkan bagi menyalurkan subsidi bersasar kepada rakyat B40, M40 serta peniaga kecil yang terkesan dan lebih memerlukan akibat peningkatan kos sara hidup.

Perdana Menteri berkata, ia berikutan ketika ini sistem subsidi pukal turut dinikmati golongan kaya dan konglomerat.

Beliau mengambil contoh subsidi elektrik yang turut dinikmati hampir 10 peratus daripada 10 juta pengguna syarikat utiliti Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang terdiri daripada kumpulan konglomerat.

Sejumlah sejuta pengguna golongan berkecukupan menikmati lebih daripada 50 peratus subsidi elektrik yang disalurkan Kerajaan.

“Justeru, jabatan kerajaan mesti merangka serta membangunkan wahana (saluran) yang bersesuaian bagi melaksanakan

subsidi bersasar dengan mengambil kira kepentingan pengguna dan industri serta memastikan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan kebijakan (dasar) ini,” katanya dalam kenyataan media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL, di sini, semalam).

Mesyuarat NACCOL di Perdana Putra itu turut disertai kedua-dua Timbalan Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof, menteri-menteri yang berkaitan serta Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Pada 27 November lalu, Anwar mengarahkan NACCOL mencekik dan menelusuri implikasi subsidi dalam tempoh dua minggu.

Tiga kertas kerja dibentang

Beliau dilaporkan berkata, subsidi yang ditanggung kerajaan pada masa ini antaranya subsidi elektrik, dinikmati semua golongan walaupun ia sebenarnya bertujuan untuk membantu golongan rakyat miskin.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, dalam mesyuarat semalam tiga kertas kerja dibentangkan, selain mengupas isu, tantangan (cabaran) dan strategi secara bersama oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN); Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta Kementerian Perdagangan dan Komoditi.

Beliau berkata, laporan itu bertujuan mendapatkan pandangan awal daripada pemegang taruh berkaitan, terutama peserta industri serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili hak pengguna.

Perdana Menteri berkata, pada masa sama, kerajaan juga konsisten dalam membangun serta mendukung pembangunan industri yang mampan.

“Sektor penternakan negara sudah lama mencapai tahap yang mampan untuk memenuhi permintaan tempatan dan berupaya untuk mengeksport.

“Kerajaan berhasrat untuk memudahkan industri ini untuk mengeksport ke luar produk mereka serta memastikan sektor penternakan menghasilkan bekalan yang cukup untuk keperluan rakyat dan ini termasuk menjamin bantuan yang lebih besar dan bersasar, terutama kepada pengusahanya tempatan,” katanya.

Beliau berkata, ketika ini, isu bekalan menjadi tumpuan utama kerajaan kerana kekurangan bekalan akan memberi kesan buruk.

Justeru, beliau berkata, kerajaan akan mempertimbangkan untuk meneliti kaedah campuran pada peringkat pengguna.

“Mesyuarat NACCOL membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dan beberapa ikhtiar sudah disyorkan. Perkara ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dan Kabinet akan membuat keputusan esok (hari ini),” katanya.